

Jumaat

18 November 2016



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA

Jumaat, 18 November 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan
2. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh

[Upacara Angkat Sumpah Tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera dan selamat pagi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P Krishnan, dan pelantikan baru Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh

[Tepuk]

Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P Krishnan, dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali-kali kita melanggar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita lafazkan.

Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Ahli yang dilantik membaca, memahami, menghayati dan mempraktikkan dua buah dokumen penting iaitu *Perlembagaan Persekutuan* diikuti dengan *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara*. Setelah memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, sudah tentu penghayatan tersebut akan membantu memberi keyakinan seterusnya melambangkan sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berharap agar Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P Krishnan, dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh agar terus menyumbang untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara sebagai satu Dewan yang mulia, berprestasi tinggi, berkredibiliti, berintegriti dan komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.07 pagi]